



DR. ASRI SELAMAT (empat dari kiri) melancarkan Projek #PisangFKEE sempena HTM 2016 di UTHM, baru-baru ini.



MASKOT #PisangFKEE menyerikan majlis pelancaran Hari Transformasi Minda 2016.

## #PisangFKEE erat hubungan fakulti, pelajar

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK  
kampus@utusan.com.my



**P**ERANAN penasihat akademik (PA) berperanan dalam meningkatkan hubungan silaturahim antara fakulti dan pelajar amat penting dalam membentuk ekosistem pembelajaran yang lebih kondusif di universiti.

Menyedari akan kepentingannya itu, Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE), Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik (FKEE), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini telah menganjurkan Projek #PisangFKEE bagi misi tersebut. Projek itu telah dilancarkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Madya Dr. Asri Selamat sempena Hari Transformasi Minda 2016 (HTM 2016).

Dr. Asri berkata, beliau amat menghargai usaha proaktif KKE

dan FKEE ini ke arah merapatkan hubungan antara fakulti dan pelajar.

Katanya, menerusi hubungan yang baik pelajar akan lebih motivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek selaras dengan hasrat dalam lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi).

"Melalui program ini, semua pensyarah dan pelajar dapat turun padang untuk turut sama dalam aktiviti ini.

"Ia secara tidak langsung dapat menguatkan lagi semangat dalam meneruskan aktiviti bersama bagi mengeratkan hubungan," katanya.

Sementara itu, Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Afandi Ahmad berkata, projek #PisangFKEE ini merupakan inisiatif FKEE dalam usaha mengukuhkan hubungan antara



SEBAHAGIAN daripada tenaga pensyarah dan pelajar yang menjayakan kempen #PisangFKEE bagi meningkatkan hubungan antara fakulti dan pelajar.

fakulti dan pelajar.

"Buah pisang merupakan sumber terbaik dalam membekalkan potassium. Potassium dalam tubuh akan hilang apabila kita berada dalam

keadaan tertekan.

"Selain itu, Vitamin B yang dibekalkan juga baik untuk meredakan perasaan gementar. Atas rasional ini jugalah FKEE bersetuju untuk mengangkat

buah pisang sebagai buah-buahan rasmi FKEE," katanya.

Selain daripada Projek #PisangFKEE aktiviti lain turut diadakan sepanjang HTM 2016 termasuklah Cabaran Jurutera

Elektrik dan Elektronik, Pidato Kejuruteraan Elektrik & Eletronik (Bahasa Malaysia dan Inggeris), Bicara Alumni, Pertandingan Pameran Akademik dan Penyelidikan Jabatan.